

## **LEMBAGA TABUNG HAJI**

### **RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-34 MUSIM HAJI 1439H**

19 – 22 November 2017 (Ahad hingga Rabu)  
bersamaan 30 Safar hingga 03 Rabi'ul Awal 1439H

Tempat : **TH** Hotel Penang

#### **KERTAS KERJA PERTAMA**

#### **PENYUCIAN JIWA DARIPADA AMALAN SAKA, SUSUK DAN SEBAGAINYA MEMBANTU KEMABRURAN HAJI**

Dalam melaksanakan ibadat haji, kemaburuan merupakan matlamat utama dan cara untuk memperolehinya melalui penyucian jiwa serta melakukan segala manasik dengan penuh keikhlasan.

1. Segala amalan yang bercanggah dengan syariat Islam seperti saka, sihir dan sebagainya hendaklah dijauhi dan ditinggalkan.
2. Sebarang bentuk amalan dan juga perbuatan di atas hendaklah ditegah dan dicegah sebelum menuju ke Mekah.
3. Pihak yang terbabit dalam memberi kursus hendaklah memberi penekanan dalam isu ini dan membimbing mereka supaya bertaubat serta tidak lagi mengulangi perbuatan tersebut.

## KERTAS KERJA KEDUA

### PERMASALAHAN HUKUM DALAM IBADAT HAJI

1. Jemaah haji yang telah tawaf wada' dan sedang menunggu kenderaan, apabila masuk waktu solat dan mereka solat di lobi hotel atau di dataran luar Masjidi Haram secara berjemaah berimamkan imam Masjidil Haram solat itu bukan termasuk mazannah al-iqamah (tanda bermukim) di Makkah dan bukan melengah-lengahkan pemusafiran. Secara urufnya keadaan dan persediaan jemaah haji telah berada dalam keadaan bersedia untuk musafir dan tidak ada niat untuk bermukim. Oleh itu perbuatan solat tersebut tidak mewajibkan mereka mengulangi semula tawaf wada'.
  
2. Hukum tawaf wada' bagi jemaah haji ada 2 kategori seperti di bawah.

- i. Golongan yang **tiada masalah** dalam bab safar (musafir),

Tempoh menunggu 8 jam. Tempoh ini adalah dalam keadaan biasa tanpa ada halangan atas sebab urusan berkaitan pemusafiran. Perkiraan masa 8 jam tersebut hendaklah dikira bermula dari masa jemaah haji sampai dibangunan penginapan setelah pulang dari tawaf wada'. Sekiranya Jemaah tidak keluar dari Makkah dalam masa 8 jam selepas tawaf wada' bukan disebabkan masalah urusan berkaitan permusafiran, tawaf wada'nya dianggap telah batal dan perlu diulang semula.

- ii. Golongan yang **ada masalah** dalam bab safar (musafir),

Tempoh menunggu 24 jam. Tempoh ini adalah dalam keadaan dimana tawaf wada' telah selesai, kemudian dalam tempoh 24 jam baru dimaklumkan kelewatan pergerakan kenderaan keluar dari Makkah maka Jemaah tidak perlu mengulang semula tawaf wada'. Perkiraan masa 24 jam tersebut hendaklah dikira bermula dari masa Jemaah haji sampai dibangunan penginapan setelah pulang dari tawaf wada'.

2. Wanita istihadah yang melaksanakan solat jamak tamam dalam khemah semasa di Mina mengalami masyaqah dan kesukaran mengulang wuduk semula untuk solat kedua(asar) selepas solat pertama (zohor) selesai, maka dia boleh bertaklid kepada mazhab Hanafi dan Hanbali yang berpendapat wanita istihadah wajib membaharui wuduk **setiap kali masuk waktu solat**

**fardhu bukan setiap solat fardhu dan sunat. Pendapat ini terpakai hanya ketika di Masya'ir sahaja.**

- 3 Ziarah Madinah adalah untuk menghayati sirah perjuangan Rasul S.A.W. dan sahabat serta membina kecintaan kepada Nabi dan sahabat baginda. Ia juga sebagai tanda terima kasih dan penghargaan yang amat tinggi terhadap kesusahan dan pengorbanan yang dibuktikan oleh Rasulullah S.A.W. dan para sahabat mengembangkan Islam. Sehubungan dengan itu, ambillah peluang dengan sebaik yang mungkin ketika berada di Madinah walaupun hanya seketika dan tidak ada nas yang sahih untuk kita berada di Madinah selama lapan hari.

### KERTAS KERJA KETIGA

#### **BADAL HAJI BAGI JEMAAH HAJI YANG SAKIT DAN TIDAK ADA HARAPAN SEMBUH DI TANAH SUCI**

1. Kewajipan haji tidak akan gugur dengan sebab kematian ataupun sakit atau uzur selagi mana ada kemampuan dari segi harta. Ini kerana kemampuan (Istito'ah) itu boleh dalam bentuk melaksanakan sendiri ibadat haji atau dilakukan oleh orang lain yang disebut sebagai badal haji.
2. Ada dua syarat yang perlu dipenuhi bagi membolehkan seseorang dikategorikan sebagai *al-ma 'dub* (penghalang):
  - a. Penyakit/keuzuran tersebut menghalang seseorang daripada melakukan sendiri ibadat haji. Dan
  - b. Penyakit/keuzuran itu hendaklah berkekalan dan berterusan sehingga mati. (tiada harapan sembah)
3. Berdasarkan dua syarat tersebut, Jemaah Haji yang disahkan oleh pakar perubatan bahawa sakitnya tiada harapan sembah dan sangat berbahaya jika dibawa ke Arafah, maka badal haji boleh dibuat untuknya. Sekiranya telah

sembuh selepas daripada itu maka ia wajib menunaikan ibadat haji jika berkemampuan

4. Pelantikan wakil di Makkah untuk melakukan badal haji boleh dilakukan sebaik sahaja pakar perubatan mengesahkan bahawa penyakit Jemaah Haji tersebut tiada harapan sembah dan sangat berisiko untuk di bawa ke Arafah.
5. Orang yang hilang (al-mafqud) merupakan orang yang tidak diketahui keadaannya sama ada dia masih hidup atau sudah meninggal dunia. Kehilangan itu tidak boleh dijadikan asas untuk membolehkan badal haji dilakukan terhadapnya kerana ada kebarangkalian ia kembali semula. Badal haji hanya boleh dilakukan apabila mahkamah memutuskan bahawa orang tersebut diisyiharkan telah meninggal dunia. Ini bermakna, selagi tiada keputusan daripada mahkamah, selagi itu badal haji tidak boleh dilakukan.

## KERTAS KERJA KEEMPAT

### NIAT BERSYARAT SATU KAJIAN SEMULA DARI SEGI PELAKSANAAN

1. Niat bersyarat bukanlah satu keharusan yang diberikan secara mutlak malah ia adalah pengecualian terhadap keadaan yang sangat mendesak yang menghalang Jemaah menyempurnakan ibadat haji atau umrah.
2. Berada dalam ihram bukanlah satu kesulitan atau kepayahan tetapi merupakan kelebihan yang diberikan ganjaran oleh Allah SWT. Jemaah hendaklah diberikan kefahaman tentang kelebihan untuk berada dalam ihram.
3. Niat bersyarat yang dibolehkan ialah kerana kesempitan waktu untuk pulang ke tanah air dan Jemaah masih terikat dengan ihram umrah. Niat bersyarat di kalangan Jemaah wanita adalah diutamakan ketika mengerjakan umrah dan dilarang semasa mengerjakan Ibadat haji.

## KERTAS KERJA KELIMA

### **FALSAFAH HAJI : ADAB DAN ETIKA SEBAGAI DHUYUFURRAHMAN DARI SEGI KEBERSIHAN**

Islam adalah agama bersih lagi suci yang menganjurkan kepada umatnya menjaga kebersihan rohani dan jasmani.

1. Jemaah haji bertanggungjawab memelihara kesucian dua Tanah Suci dengan mengamalkan budaya bersih dan suci sama ada kebersihan tubuh badan, ketika di Arafah, Muzdalifah dan Mina (manasik haji) juga dalam memelihara alam sekitar. Sehubungan itu latihan yang diperolehi di Tanah Suci seharusnya diamalkan secara berterusan setelah mereka kembali ke Tanah Air.
2. Pengabaian aspek kebersihan dan kesucian bukan sahaja dibimbangi merosakkan sesuatu ibadat bahkan dibimbangi menjelaskan peluang mendapat haji yang mabrur.
3. Pihak yang terbabit dalam memberi kursus haji hendaklah memberi penekanan dalam isu kebersihan dan membimbing Jemaah Haji supaya menjaga kebersihan semasa di Tanah Air dan Tanah Suci.

